

Bina kunci air permudah aliran di Olak Lempit

SEPANG: Jabatan Pengsairan dan Saliran (JPS) akan membina kunci air bersebelahan Sungai Langat bagi melancarkan pengaliran air dari kawasan Kampung Olak Lempit yang sering dilanda banjir.

Jurutera Daerah Kuala Langat, Badaruddin Tahiruddin, berkata ia adalah perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah penduduk di situ, khususnya 15 keluarga yang berdepan masalah banjir tidak surut sejak lebih seminggu lalu.

Beliau berkata, kawasan dilanda banjir itu bertanah rendah seperti "kawah" yang menyebabkan air sukar untuk mengalir keluar ke parit.

Katanya, keadaan pembetung di jalan masuk ke rumah dan kebun yang dibina penduduk juga tidak menepati saiz sepatutnya menyebabkan kesukaran untuk air mengalir ke sungai.

Justeru, katanya, pihaknya akan mendapatkan persetujuan pemilik tanah untuk menyelenggara parit di kawasan kampung itu dalam masa terdekat.

Sentral kelmarin melaporkan mengenai sengsara 15 keluarga di kampung terbabit apabila rumah mereka digenangi air sedalam 0.5 meter yang didakwa berpunca daripada sistem saliran ke Sungai Langat tidak sempurna dan tidak dapat menampung kapasiti air yang banyak.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Olak Lempit, Abdul Nasir Jajuli, berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah membuat bancian untuk membantu keluarga terbabit.

Skuad Sayang Wanita UMNO Selangor diketuai Ketua Wanita UMNO bahagian Sepang, Azizah Harun, turut melawat dan menghulurkan bantuan kepada mangsa.

Azizah berkata, mereka juga turut menyampaikan bantuan wang tunai RM200 kepada setiap keluarga yang disumbangkan Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed.

"Selepas banjir surut, Skuad Sayang akan menghantar sekumpulan ahli bagi membantu membersihkan rumah penduduk terutama ibu tunggal dan warga emas bagi memastikan golongan itu mendapat perhatian yang sewajarnya," katanya.

Ibu tunggal, Kasmerah Sarwono, 55, gembira dengan kunjungan Skuad Sayang yang mengambil berat mengenai dirinya dan lima anaknya yang masih bersekolah.

Kasmerah berkata, kunjungan skuad itu memberi makna yang mendalam kerana sekurang-kurangnya kesusahan rakyat diambil peduli.

"Saya terharu dan berterima kasih kepada Skuad Sayang kerana mereka sanggup meredah banjir dan menyenaraikan nama saya untuk menerima bantuan," katanya.